

**USUL MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG TAHUN 2016**

Bil.	Usul	Keputusan MBJ Setuju/ Tidak Setuju
1	<p>KENAIKAN KADAR BAYARAN BAGI KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN PAS KESELAMATAN DI ATAS KECUAIAN SENDIRI</p> <p>1.1 Pihak MBJ mencadangkan supaya kenaikan kadar bayaran pas keselamatan hanya dikenakan ke atas kehilangan pas keselamatan sahaja dan tidak melibatkan kerosakan pas keselamatan. Ini merujuk kepada memo dari Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan bil:SUK.PHG/KPP.004/2.28 Jld.6 (51) bertarikh 19 Februari 2016 yang menyatakan bahawa kenaikan kadar bayaran dikenakan bagi kehilangan atau kerosakan pas keselamatan di atas kecuaiian sendiri.</p> <p>1.2 Pihak MBJ juga mencadangkan agar pihak BKP menyediakan garis panduan untuk menilai sama ada kerosakan tersebut disebabkan kecuaiian atau tidak.</p>	Setuju
2	<p>NAMA YANG DIBENARKAN UNTUK MENGAMBIL KUNCI BAGI MEMBUKA PINTU PEJABAT.</p> <p>Pihak MBJ mencadangkan agar senarai nama untuk mengambil kunci tidak terhad kepada 6 orang sahaja.</p>	Tidak Setuju
3	<p>Nama Yang Dibenarkan Untuk Mengambil Kunci Bagi Membuka Pintu Pejabat.</p> <p>Mesyuarat bersetuju mengenai cadangan agar pengawal keselamatan membuka dan mengunci pintu bahagian-bahagian yang mempunyai access door bagi mengurangkan masalah ini dan meminta pihak BKP mencuba kaedah ini.</p>	Setuju
4	<p>LARANGAN UNTUK MELETAKKAN KENDERAAN DI HADAPAN TEMPAT PARKING BAS</p> <p>Pihak MBJ mencadangkan agar tempat parking kenderaan di hadapan tempat parking bas SUK dikosongkan bagi memudahkan pergerakan keluar dan masuk bas SUK. Dicadangkan juga agar pihak pengurusan mencadangkan satu kaedah yang terbaik bagi memastikan tiada kenderaan yang parking di kawasan tersebut.</p>	Setuju

5	<p>PENAMBAHBAIKAN KECERIAAN DI DEWAN SUK, BLOK C</p> <p>Pihak MBJ mencadangkan agar Dewan SUK, Blok C ditambahbaik dari segi hiasan dan keceriaan kerana keadaan dewan sekarang ini tidak menggambarkan imej korporat.</p>	Setuju
6	<p>ISU KAKITANGAN YANG TIDAK MAHU MENGHADIRI KURSUS/BENKEL KERANA KADAR BAYARAN SEWA HOTEL YANG TERLALU RENDAH.</p> <p>Pihak MBJ memohon agar pihak pengurusan dapat mempertimbangkan kadar bayaran sewa hotel yang terlalu rendah bagi peserta yang menghadiri kursus.</p> <p>Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, bayaran sewa hotel mengikut gred bagi peserta yang menghadiri kursus adalah seperti berikut:</p> <p>1 hingga 16 atau yang setaraf - sewa hotel RM65 17 hingga 40 atau yang setaraf - sewa hotel RM80 41 hingga 44 atau yang setaraf - sewa hotel RM130 45 hingga 52 atau yang setaraf - sewa hotel RM145</p>	Setuju
7	<p>MENAIK TARAF RUANG TARI DI WISMA BELIA.</p> <p>Pihak MBJ memohon supaya membaiki kerosakan ruang tari di Wisma Belia kerana terlalu uzur dan lantai tidak rata.</p>	Setuju